



SIARAN MEDIA

JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SARAWAK

MAJLIS SAMBUTAN HARI BUMI TAHUN 2024 PERINGKAT NEGERI SARAWAK

11 MAY 2024 (SABTU)

11 May 2024, Kuching: Sambutan Hari Bumi diraikan pada 22 April setiap tahun seluruh dunia sebagai usaha menghargai bumi dan menyemai rasa tanggungjawab serta meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat untuk melindungi bumi dan alam sekitar. Sambutan Hari Bumi pada tahun ini bertemakan 'Planet vs Plastic' bagi menangani salah satu isu sejagat masa kini iaitu pencemaran plastik serta keperluan bertindak untuk mengurangkan pencemaran plastik.

Sambutan Hari Bumi Peringkat Negeri Sarawak telah dianjurkan bersama oleh pelbagai agensi kerajaan negeri dan persekutuan di Sarawak yang merangkumi Jabatan Alam Sekitar (JAS), Sarawak Energy Berhad (SEB), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Jabatan Hutan Sarawak, Sarawak Forestry Corporation, Majlis Perbandaran Kota Samarahan, Jabatan Kesihatan, Lembaga Sungai-Sungai Sarawak serta pelajar-pelajar dan komuniti setempat.

Majlis dirasmikan oleh YB Datuk Haji Len Talif Salleh, Timbalan Menteri Perancangan Bandar, Pentadbiran Tanah dan Alam Sekitar Sarawak pada 11 Mei 2024 di Universiti Teknologi Mara Cawangan Sarawak, Kampus Smarahan 1. Sambutan kali ini menjadikan pelajar IPT sebagai golongan sasaran kerana pelajar IPT merupakan generasi akan datang yang akan mencorakkan pembangunan negara dengan mengambilkira penjagaan bumi dan alam sekitar.

Program dan aktiviti yang diadakan bersempena Sambutan Hari Bumi Tahun 2024 Peringkat Negeri Sarawak ini melibatkan aktiviti yang bertemakan alam sekitar dan pengurangan penajanaan sisa, antaranya aktiviti kempen penanaman pokok, penggunaan semula buangan sebagai bahan kitar semula melalui pertandingan rekacipta dan inovasi dari bahan buangan, yang mana melibatkan 23 pasukan dari pelbagai Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta di Negeri Sarawak. Selain itu, pertandingan dekorasi kek bertemakan alam sekitar juga dianjurkan yang mana melibatkan 8 pasukan yang terdiri daripada masyarakat awam di Kuching dan Samarahan. Satu kempen pengumpulan e-

waste turut diadakan bagi menggalakkan orang awam menguruskan dan melupuskan e-waste dengan sempurna.

Dalam kempen penanaman pokok melalui Program 1 Rakan Alam Sekitar, 1 Pokok (atau 1 RAS 1 Pokok) seramai lebih kurang 120 peserta dari agensi kerajaan dan para pelajar terlibat menanam pokok. Dalam program ini, Jabatan Hutan Sarawak telah menyumbangkan sebanyak 150 anak benih pokok untuk ditanam di kawasan UITM Kampus Samarahan dan sebanyak 100 anak benih pokok disumbangkan oleh Sarawak Energy Berhad.

TAMAT